

PENGARANG URUSAN KUMPULAN NSTP:
Datuk Abdul Jalil Hamid

PENGARANG KUMPULAN BH:
Mahfar Ali

PENGARANG EKSEKUTIF BERITA:
Norhayati Md Said

PENGARANG EKSEKUTIF RENCANA:
Zainor Said

PENGARANG EKSEKUTIF PENGETAHUAN:
Badrulhisham Othman

PENGARANG PENDIDIKAN:
Fadzlena Jafar

PENGARANG BERITA PENDIDIKAN:
Ridzuan Yop
Mohd Feroz Abu Bakar

PENOLONG PENGARANG BERITA PENDIDIKAN:
Syuhada Choo Abdullah

Khairina Yasin

PENOLONG KETUA PENYUNTING:
Nuraihan Ibrahim

PENYUNTING EKSEKUTIF:
Rosdi Ismail

WARTAWAN:
Rosniza Md Taha, Basir Zahrom

PENOLONG EDITOR GRAFIK & REKA LETAK:
Ahmad Radi Harun

EKSEKUTIF ARTIS:
Zuraizee Zulkifli,
Mohd AlHakim Ismail

PENGEDARAN: Balai Berita, Kuala Lumpur
Nadra Affendi / Fariza Yaacob
Unit Perkhidmatan Pendidikan,
Jabatan Pengedaran NSTP, 31, Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur

PENGEDARAN: Balai Berita, Kuala Lumpur
Nadra Affendi / Fariza Yaacob
Unit Perkhidmatan Pendidikan,
Jabatan Pengedaran NSTP, 31, Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2056 9547/236/1564
Faks: 03-22826216/5502
Talian Bebas Tel: 1 800 880 239

PENGKLUMAN: Tel: 1 300 22 6787
Samb 5842/5652

E-mel atau surat ke alamat:
bhvarsiti@bh.com.my

Unit Pendidikan BH
Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100
Kuala Lumpur

Tel: 1 300 22 6787
Samb 4771/4772/4780

G elanggang pilihan raya kampus (PRK) tahun ini disifatkan banyak pihak sebagai lebih tenang berbanding beberapa tahun terdahulu, dengan calon bertanding serta pengundi dilihat semakin matang menghidupkan persaingan sihat.

Tiada insiden melam-pau dicatatkan sepanjang tempoh pemilihan bagi sesi 2013/2014 di 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA), kecuali laporan dakwaan rumah sewa calon Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dibaling bom petrol.

Biarpun pelbagai isu dibawa pihak yang bertanding sama ada calon pro-Aspirasi, pro-Mahasiswa atau Bebas ke dalam arena politik kampus masing-masing, proses PRK secara keseluruhannya berjalan lancar.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UM, Prof Datuk Dr Rohana Yusof, turut mengakui suasana

Transformasi matang PRK 2013/2013

PRK di universiti itu lebih tenang kali ini berikutan kematangan diperlihatkan oleh calon dan pengundi, berbanding kejadian provokasi ekstrem pada sesi terdahulu.

Tetap meriah

"Pihak pentadbiran universiti berusaha sebaik mungkin menangani segala isu dibangkitkan wakil pemimpin pelajar sebelum ini. Berikut itu, mungkin tahun ini kebanyakannya masalah di dalam kampus sudahlesai, justeru tiada kejadian melampau berlaku.

"Suasana kempen tetap meriah seperti PRK sebelum ini, namun calon bertanding menunjukkan persain-

gan sihat," katanya ketika ditemui di UM di sini, baru-baru ini.

Timbalan Dekan (Pascasiswazah dan Hubungan Antarabangsa) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohd Fuad Mat Jali, berkata kelancaran proses PRK tahun ini selari dengan kehendak semua pihak.

Dalam konteks ini, beliau yang juga Ketua Pusat Mengundi Kolej Pendeta Za'ba UKM bagaimanapun menolak andaian segelintir pihak bahawa PRK itu 'suram' berikutan tiada isu panas berbangkit.

"Namun bagitu, boleh diandaikan bahawa mahasiswa sudah 'penat'

dibenarkan isu kurang relevan. Mereka kini mahu proses pilihan raya yang mampu berlangsung dengan adil tanpa insiden memalu atau memuaskan.

"Mereka juga mungkin sudah jemu dengan pelbagai tanggapan negatif diberikan, justeru cuba menampilkan suatu yang baru pada PRK kali ini," katanya.

Perubahan membanggakan

Bagi calon yang memenangi kerusi Fakulti Ekonomi UM, Mohd Shahrul Hafiz Norazmi, tempoh berkempen yang singkat serta kesibukan mahasiswa mengulang kaji pelajaran dan terlalu fokus kepada peperiksaan turut menyumbang kepada ketenangan suasana PRK kali ini.

"PRK tahun ini diadakan lewat sedikit, justeru mahasiswa lebih memilih untuk menelaah dan tidak mahu terlalu memikirkan soal itu," katanya.

Calon Fakulti Sains Teknologi UKM, Afiah Nasuha Aznan, pula berkata kematangan mereka yang berkempen terserlah kali ini apabila pihak terbabit

tiak mempunyai akuan atau sama lain.

Jika sebelum ini wujud kurang persefahama dalam kalangan calon yang bertanding, beliau berkata, PRK tahun ini menjadi pentas bersaing secara bersih.

"Saya juga terkejut dengan peralihan suasana ini yang dilihat lebih mesra serta penuh semangat perjuangan sebenar."

"Ini suatu perubahan yang membanggakan, terutama untuk kami sebagai mahasiswa menonjolkan kemampuan berpolitik secara matang."

"Masing-masing mempunyai iltizam untuk menanamnamun setiap calon mencari peluang itu menerusi cara yang sihat dan terhormat," katanya.

Sementara itu calon umum dari Fakulti Undan Undang UKM, Muhamma Amirudin Awang Ab Bakar, menyifatkan PRK kali ini sebagai transformasi baharu dalam dunia politik kampus.

"Diharap calon yang bakal bertanding serta mahasiswa di semua IPTA dapat mengelakkai momentum ini pada PRK masa depan," katanya.

Merealisasikan agenda mahasiswa dalam kampus

Dari muka 1

Katanya, calon boleh bergabung atas tiket fakulti atau persatuan dan menyuarakan apa yang dihasratkan asalkan tidak menyalah undang-undang ditetapkan universiti masing-masing sehingga menyebabkan pihak pentadbiran terpaksa campur tangan.

Falsafah PRK

"Kebiasaan stigma masyarakat melihat IPTA pasti mengikut saja semua dasar ditetapkan, namun begitu jika ada perkara yang pelajar ingin suarakan, mereka

boleh melakukannya menerusi saluran betul dengan berbincang dan bermuzakarah, bukan dengan melakukan demonstrasi atau rusuhan sehingga menjepak keharmonian kampus.

"Falsafah PRK ialah pendedahan terhadap tanggungjawab pemimpin pelajar dalam merealisasikan agenda masyarakat mahasiswa di dalam kampus, justeru jika mendapat suntikan politik luar yang mempunyai kepentingan tersendiri, hasrat PRK tidak akan tercapai."

"PRK ialah latihan kepimpinan dan perlu ada garis panduan dan peraturan, malah pelajar juga

perlu mematuhi apa yang dijanjikan ketika melangkah ke universiti menerusi aku janji yang dipersetujui mereka," katanya ketika dihubungi, kelmarin.

Kampus harmoni

Mengenai label Pro-A dan Pro-M, Mohammad Shatar (**gambar**) berkata, walau pun dibenarkan bertanding dalam kumpulan, seolahnya calon bersaing secara individu kerana mereka akan membawa suara mahasiswa tulen dan tanpa terikat politik luar.

Katanya, hanya 20 peratus pengundi di PRK menjadi penyokong tegar agenda kumpulan masing-masing,

namun baki 80 peratus lagi masih menerusi manifesto yang diketengahkan calon dan tidak kisah daripada kumpulan mana.

"Berpolitik ala kepartian yang menular di universiti menyebabkan mahasiswa berpuak-puak, justeru tidak elok untuk keharmonian kampus."

"Tujuan utama mahasiswa berada di universiti ialah untuk mendapatkan ilmu yang diterjemah dengan

pencapaian akademik. Malangnya ada segelintir mahasiswa lebih suka mencari salah atau sisi negatif terhadap apa yang pentadbiran universiti lakukan."

"Pihak luar pula diharap tidak mengambil kesempatan terhadap mahasiswa sebaliknya berpelajar ruang dan fokus agar dapat menamatkan pengajian dengan baik dan berpeluang menjadi ahli politik yang berilmu suatu masa nanti," katanya.

